


## ULASAN BUKU: “ZAKAT PADI DI MALAYSIA”

### Book Review: “*Zakāh on Paddy in Malaysia*”

Judul : Zakat Padi di Malaysia  
Penulis : Nor Aini Ali  
Penerbit : Universiti Malaya  
Tahun : 2015  
ISBN : 978-983-100-829-4  
Halaman : 199 halaman serta indeks  
Harga : RM40.00  
Pengulas : Ahmad Hidayat Buang<sup>1</sup>



Pada pandangan saya buku ini buat pertama kalinya secara khusus di Malaysia memfokuskan perbincangan kepada zakat padi iaitu sebahagian daripada zakat pertanian. Ini tidak bermakna tidak ada perbincangan dilakukan mengenainya, kerana perbincangan mengenai zakat pertanian memang sudah dilakukan oleh para sarjana di Malaysia terutama oleh Mujaini Tarimin (1990) yang ditulis 25 tahun yang lepas. Pun begitu, sebagaimana yang diakui sendiri oleh penulis, penulisan tersebut tidak memfokuskan kepada zakat padi serta tidak mempunyai data empirikal mengenainya. Jarak masa yang panjang ini

<sup>1</sup> Professor, Department of Shariah and Law, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, 50603 Kuala Lumpur, hidayat.buang@gmail.com

menjadikan buku yang ditulis Nor Aini Ali sesuatu yang sudah agak lewat, namun dinanti-nantikan oleh penyelidik dan pembaca di dalam bidang zakat pertanian. Dalam tempoh 20 tahun yang lepas perbincangan penulisan dan penyelidikan mengenai zakat lebih banyak tertumpu kepada tajuk-tajuk yang melibatkan pengurusan dan pentadbiran terutamanya sistem agihan dan isu-isu semasa seperti bentuk-bentuk baru harta-harta zakat seperti zakat penggajian, pendapatan professional, zakat korporat dan seumpamanya. Persoalan mengenai zakat tanaman terutamanya padi amat jarang dilakukan melainkan yang dikaitkan dengan isu-isu sosial-ekonomi dan politik para petani seperti dalam kajian-kajian awal oleh James Scott (1987) dan Abdul Aziz Muhammad (1993). Kajian berkenaan menunjukkan terdapatnya ketidakpuashatian para petani terhadap sistem pembayaran zakat padi kerana rata-rata di antara mereka adalah miskin. Sebagai contoh, Abdul Aziz Muhammad mempertikaikan amalan kutipan zakat padi daripada petani kerana rata-rata mereka adalah daripada kalangan orang miskin di Malaysia. Ini ditambah pula dengan pengaruh sosial dan politik serta isu pengurusan zakat yang menyebabkan timbulnya perasaan berkenaan (Affifudin Omar, 1978). Walaupun penulis tidak menyatakan secara jelas, namun ia merupakan satu usaha untuk mencari penyelesaian kepada predikamen pembayaran zakat padi oleh petani di Malaysia.

Buku ini mengandungi lima bab di mana tiga bab yang pertama adalah perbincangan teoritikal hukum zakat di dalam Syariah dan amalan perundungan serta fatwa yang berkaitan. Bagi pengkaji atau pembaca yang sudah biasa dengan kajian zakat akan mendapati perkara-perkara yang dibincangkan dalam bab-bab ini sudah banyak disentuh di tempat-tempat lain. Namun begitu terdapat beberapa maklumat terkini yang dimasukkan seperti data-data mengenai kutipan dan agihan zakat serta perkembangan pengurusan zakat di Malaysia. Perkara yang menjadi perhatian dalam perbincangan bab-bab ini ialah beberapa kenyataan dan fakta mengenai hukum dan pengurusan zakat boleh dipersoalkan dari segi kekemasan dan ketepatannya. Sebagai contoh kenyataan daripada mazhab perlu dirujuk kepada sumber asli mazhab berkenaan dan tidak hanya bergantung kepada rujukan sekunder. Begitu juga maklumat mengenai tarikh penubuhan institusi zakat di Malaysia<sup>2</sup> yang mungkin boleh diberikan penjelasan terhadap beberapa tarikh seperti penubuhan Jabatan Zakat Kedah dikatakan pada tahun 1994, sedangkan sudah dimaklumi bahawa operasi pungutan zakat di negeri Kedah sudah berjalan sejak sebelum merdeka lagi dengan penggubalan Enakmen Zakat Negeri Kedah tahun 1955. Perkara ini berlaku kerana mungkin kerana penulis hanya bergantung daripada maklumat WEB.

---

<sup>2</sup> Rujuk halaman 65.

Dalam perbincangan mengenai hukum zakat, pengaruh penulisan Yūsuf al-Qaraḍāwī dan Muḥammad Kamal ‘Atiyyah sangat jelas, sungguhpun ianya tidak dinyatakan oleh penulis. Sebagai contoh, perbincangan mengenai syarat-syarat yang dikenakan zakat tanaman, terutamanya perbincangan mengenai penolakan kos tanaman dan sara hidup<sup>3</sup> yang merupakan asas utama model perakaunan zakat padi sebagaimana yang dikemukakan oleh penulis dalam bab keempat dan kelima. Bahkan, kadang-kadang terdapat di tempat-tempat tertentu yang membincangkan mengenai syarat kesuburan sesuatu harta zakat berkenaan dipetik langsung daripada al-Qaraḍāwī tanpa menyatakan sumbernya.<sup>4</sup>

Satu topik yang penting dibincangkan dalam bab kedua ialah fatwa mengenai zakat tanaman.<sup>5</sup> Sungguhpun saya rasa wajar dinamakan sebagai fatwa mengenai zakat padi kerana hampir kesemuanya mengenai tanaman padi. Penulis telah mengkategorikan fatwa-fatwa berkenaan kepada empat, iaitu zakat tanaman perseorangan, zakat tanaman berkelompok, subsidi harga padi dan bidangkuasa pungutan zakat tanaman. Kekurangan dalam perbincangan ini ialah tiada analisis yang dibuat terhadap fatwa-fatwa ini berbanding dengan perbincangan teoritikal seperti di bab terdahulu. Sebagai contoh, tiada data statistik berapa banyak fatwa yang telah dikumpul untuk dianalisis serta status fatwa berkenaan; seperti yang diwartakan atau sebaliknya. Begitu juga analisis terhadap nas-nas fatwa berkenaan tidak dibuat. Penulis hanya membuat penjelasan sepintas lalu. Sebagai contoh, jika diperhatikan fatwa zakat tanaman perseorangan dan kelompok, sebenarnya kedua-duanya hampir sama kerana keputusan fatwa menekankan keperluan setiap individu membayar zakat baik sama ada kegiatan pertanian itu dilakukan secara persendirian ataupun secara berkelompok. Terdapat juga perbincangan mengenai pengagihan zakat, sama ada dari segi hukum maupun amalan pengurusan dan pentadbiran.<sup>6</sup> Pada pandangan saya, perbincangan tajuk ini adalah tidak relevan dengan tajuk buku ini. Namun, tajuk ini dimasukkan untuk melengkapkan perbincangan tentang zakat.

Dalam buku ini, penulis turut membincangkan berkaitan amalan taksiran zakat padi serta model perakaunan atau pengiraan zakat padi. Hasil perbincangan tersebut merupakan sumbangan asli daripada penulis kerana analisis perbincangannya disokong oleh data-data empirikal mengenai petani, maklumat pertanian dan persepsi petani terhadap pengurusan zakat dan

<sup>3</sup> Rujuk halaman 23-25.

<sup>4</sup> Rujuk halaman 16-17. Bandingkan dengan Ahmad Hidayat Buang (1998).

<sup>5</sup> Rujuk halaman 51-59.

<sup>6</sup> Rujuk halaman 29-35.

amalan pungutan zakat pertanian atau padi di kawasan mereka. Maklumat ini dikumpulkan secara soal-selidik dan temu bual. Kedua-dua bab ini dapat dikatakan sebagai tujuan sebenar buku ini ditulis bagi mencadangkan model perakaunan zakat yang sesuai dengan perkembangan masa kini, terutamanya berasaskan kepada pandangan al-Qarađāwī dan Muhammad Kamal ‘Aṭiyyah. Mereka membolehkan tolakan kepada perbelanjaan asas dalam pengiraan kadar zakat pertanian. Perbincangan tajuk ini akan menjadi lebih baik jika penulis boleh memaparkan alasan atau ‘illat hukum zakat harta dalam kalangan ulama-ulama Islam yang nampaknya tidak disentuh. Sebagai contoh dalam mazhab Shāfi‘ī dan Ḥanbalī yang lebih cenderung kepada teori zakat adalah tanggungjawab harta dan tidak sebagaimana mazhab Ḥanafī yang melihat kewajipan zakat terletak kepada individu atau *zimmah* dan bukannya harta.

Pendekatan mazhab Shāfi‘ī adalah bersifat objektif dengan hanya melihat kepada aspek-aspek luaran tidak sebagaimana dalam mazhab Ḥanafī yang melihat kepada aspek-aspek dalaman dan niat. Begitu juga penulis ada membentangkan salah satu kesan atau implikasi daripada penggunaan model perakaunan zakat padi ialah pengurangan jumlah zakat padi yang dikutip.<sup>7</sup> Implikasi ini pada pandangan saya adalah penting kerana ia boleh menjelaskan dana kutipan zakat di negeri-negeri yang terlibat seperti Kedah, Perlis serta Selangor dan seterusnya boleh menjelaskan kepentingan golongan asnaf di negeri berkenaan. Sewajarnya penulis menganalisis implikasi ini secara yang lebih holistik dengan melihat kepada keadaan sosial-ekonomi serta politik negeri-negeri yang terbabit. Namun begitu, dapatan penulis terhadap alasan petani tidak membayar zakat kepada pemerintah<sup>8</sup> adalah sesuatu yang membuka mata banyak pihak sungguhpun alasan-alasan yang diberikan itu sudah dinyatakan oleh banyak penulis sebelum ini.

Dari segi persempahan, beberapa aspek boleh diperkemaskan seperti menyelaraskan topik di bahagian daftar isi dengan di halaman teks,<sup>9</sup> penggunaan huruf besar, huruf kecil dan sebagainya. Begitu juga beberapa tempat didapati persempahan adalah agak teknikal yang akan menyebabkan pembacaan boleh menjadi membosankan seperti di bawah tajuk pandangan petani terhadap taksiran padi<sup>10</sup> serta di bawah tajuk saluran pembayaran zakat padi.<sup>11</sup> Penulis sewajarnya memudahkan perbincangan di halaman-halaman ini dengan membincangkan angka-angka statistik yang dibentangkan secara

<sup>7</sup> Rujuk halaman 110.

<sup>8</sup> Rujuk halaman 82-83.

<sup>9</sup> Rujuk halaman 50.

<sup>10</sup> Rujuk halaman 89-91.

<sup>11</sup> Rujuk halaman 82-84.

yang lebih santai. Namun, secara keseluruhan buku ini adalah baik dan boleh menjadi rujukan penting kepada pengkaji dan pelajar yang berminat dengan amalan zakat pertanian di Malaysia.

## RUJUKAN

- Abdul Aziz Muhammad, *Zakat and Rural Development in Malaysia* (Kuala Lumpur: Berita Publishing, 1993).
- Afifuddin H. Omar, ‘Peasants, Institutions, and Development in Malaysia: The Political Economy of Development in the Muda Region,’ (Ph.D. dissertation, Cornell University, 1978).
- Ahmad Hidayat Buang, ‘Harta-harta yang dikenakan Zakat: Satu Analisis Hukum,’ *Jurnal Syariah*, 6 (1998): 23-36.
- Mujaini Tarimin, *Zakat Pertanian: Sistem dan Pelaksanaannya* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990).
- Scott, James C. (1987). ‘Resistance without Protest and Without Organization: Peasant Opposition to Islamic Zakat and the Christian Tithe,’ *Comparative Studies in Society and History*, 29/3 (1987): 417-452.

